

Kerajaan komited erat hubungan Malaysia-China

> Jana lebih banyak peluang bidang pelancongan, sains serta teknologi: PM

Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Malaysia baharu yang berkuasa pada Mei tahun lalu, komited memperkukuhkan hubungan Malaysia-China dengan kerjasama lebih erat dan lebih bermakna.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan perdagangan serta pelaburan antara kedua-dua negara sejak tahun kebelakangan ini sudah menjadi meteorik dan 'trend' itu akan terus menjana lebih banyak peluang dalam bidang pelancongan, sains dan teknologi serta pertukaran budaya.

Beliau berkata demikian dalam mesej buku cenderamata diterbitkan Persatuan Persahabatan Malaysia-China atau lebih dikenali se-

bagai PPMC untuk menandakan ulang tahun ke-45 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, jika pada peringkat awal, ia lebih kepada hubungan kerajaan dengan kerajaan, perkongsian itu sudah mencapai pelbagai peringkat dan mencatat pencapaian yang menjadikan China rakan dagangan terbesar Malaysia.

Pertumbuhan mengagumkan

"Pertumbuhan China yang mengagumkan dalam beberapa dekad lalu yang memuncak menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia, banyak menyumbang kepada keahadirannya yang meluas, bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga bahagian lain di dunia.

"Kerjasama kita sudah berkem-



Dr Mahathir memakai Songkok Gaya Tun yang dihasilkan oleh Sardi Sahar (dua dari kanan) ketika membeli-belah di Kompleks Pekan Rabu, Alor Setar, semalam.

bang dalam pelbagai peringkat dan sektor. Saya percaya selain peranan dimainkan oleh pemimpin kerajaan dan politik, pelbagai persatuan serta pertubuhan bukan kerajaan dari kedua-dua negara, termasuk PPMC, banyak menyumbang kepada keadaan yang kukuh dan dinikmati kedua-dua negara kita," katanya.

Perdana Menteri mengimbas kembali ketika beliau menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara PPMC dengan Persatuan Persahabatan China-Malaysia di Beijing pada Jun 1993 dalam salah satu lawatan rasminya ke China.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PPMC kerana dapat mempertahankan persahabatan selama ini dan membawanya ke

tahap lebih tinggi, katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun berlaku perubahan kepemimpinan di kedua-dua negara, perkongsian itu tetap berterusan selama bertahun-tahun, berkat kepatuhan mereka kepada prinsip tidak campur tangan hal ehwal dalaman masing-masing dan berusaha menjadi jiran yang baik.

Malaysia sokong BRI

"Saya sentiasa mempercayai prinsip 'memakmurkan jiran anda' dan apabila China makmur, ia juga akan memakmurkan Malaysia," katanya sambil menambah, Malaysia juga mengambil pendirian menyokong Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) China untuk faedah dikongsi bersama dan diagihkan.

Bagi Malaysia, beliau berkata, ia

adalah kesinambungan perdagangan purba yang bermula ketika Empayar Melaka dan perdagangan antara kedua-dua negara tidak pernah berkurangan selama berabad-abad.

PPMC ditubuhkan pada 1992 dengan anggota aktif terdiri daripada usahawan, pelabur, ahli akademik, artis, pendidikan, ahli politik dan profesional serta pegawai kerajaan yang berkongsi kepentingan bersama untuk melihat persahabatan, persefahaman dan perkongsian kuat serta mampan antara Malaysia dan China.

Pada April 2005, diplomat veteran dan bekas Duta Besar Malaysia ke China, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan dipilih sebagai Presiden PPMC dan masih memegang jawatan itu sehingga kini. **BERNAMA**